

# WAKAF DAN PENDIDIKAN DI INDONESIA

Mohd Isa Mohd Deni  
Hairullfazli Mohammad Som  
Mokhtar Ismail

## ABSTRAK

*Wakaf merupakan salah satu elemen pengurusan ekonomi yang sangat penting dalam sistem ekonomi Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf telah berjaya memainkan peranan yang sangat berkesan dalam masyarakat terutama dalam bidang pendidikan. Kertas ini akan membincangkan kepentingan wakaf dan sejarahnya dalam membangunkan institusi pendidikan dalam dunia Islam seperti di Timur Tengah dan negara Islam lain. Ia juga akan memberi fokus kepada wakaf dan peranannya dalam institusi pendidikan di Indonesia yang merupakan negara yang mempunyai paling ramai umat Islam di dunia. Umumnya sebahagian besar institusi pendidikan Islam di negara itu hidup berdikari dan dibina hasil daripada wakaf sama ada pengasas institusi itu atau masyarakat sekitar. Urus tadbir yang berkesan dan inovasi pengurusan ekonomi yang mantap merupakan salah satu faktor keupayaannya untuk terus hidup dan maju. Justeru tidak hairanlah jika banyak pesantren yang hanya bermula dengan ringkas, kini mempunyai institusi seawal tadika sehingga peringkat universiti dan mampu bertahan puluhan tahun. Perbincangan ini adalah berdasarkan data-data yang diperolehi daripada laporan-laporan badan berautoriti di Indonesia, artikel-artikel ilmiah dan temuduga dengan tokoh-tokoh pendidikan di negara tersebut.*

## 1. MUKADIMAH

Wakaf merupakan salah satu instrumen ekonomi yang sangat penting dalam Islam. Sejarah telah mencatatkan bahawa wakaf telah banyak membantu umat Islam sejak zaman Rasulullah dalam pelbagai aspek sosial sama ada peribadatan, kesihatan dan pendidikan dan sebagainya. Wakaf merupakan instrumen yang sangat besar dalam memberi sumbangan kepada pembinaan dan perkembangan institusi pendidikan dalam dunia Islam. Institusi terkenal seperti Universiti al Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah, Iraq, Madrasah al Nuriyah, Damsyik dan banyak lagi adalah tertegak atas dokongan wakaf umat Islam dan mampu bertahan hingga ratusan tahun lamanya. Dalam kertas ini penulis akan cuba menyetengahkan peranan wakaf dalam pendidikan di negara terbesar umat Islam iaitu Indonesia yang mempunyai lebih kurang 200 juta penduduk.

## 2. PENDIDIKAN DI INDONESIA

Sistem pendidikan di Indonesia adalah sangat besar dan bervariasi. Dengan lebih dari 50 juta siswa dan 2.6 juta guru di lebih dari 250,000 sekolah, sistem ini merupakan sistem pendidikan terbesar ketiga di wilayah Asia dan bahkan terbesar keempat di dunia (berada di belakang China, India dan

Amerika Syarikat). Dua kementerian bertanggungjawab untuk menguruskan sistem pendidikan dengan 84 peratus sekolah berada di bawah Departemen Pendidikan Nasional (Depdiknas) dan baki 16 peratus berada di bawah Departemen Agama (Depag). Sekolah swasta juga memainkan peranan penting. Walaupun hanya 7 peratus sekolah dasar merupakan sekolah swasta, nisbah ini meningkat menjadi 56 peratus di tingkat menengah pertama dan 67 peratus di tingkat menengah umum.<sup>1</sup> Jumlah buta huruf di kalangan rakyat Indonesia juga masih agak tinggi iaitu 3.6 juta orang pada tahun 2013.<sup>2</sup>

Pendidikan merupakan perkara penting bagi agenda pembangunan kerajaan Indonesia. Belanja pendidikan telah meningkat secara signifikan di tahun-tahun terakhir setelah terjadinya krisis ekonomi. Belanja pendidikan pula meningkat dua kali ganda dari tahun 2000 sehingga 2006. Pada tahun 2007, belanja untuk pendidikan lebih besar daripada sektor lain, yang mencapai nilai USD14 bilion, atau lebih dari 16 peratus dari total pengeluaran pemerintah. Namun berbanding jirannya Malaysia, peruntukan untuk pendidikan untuk 2015 sahaja sebanyak RM56 bilion (USD16 bilion).<sup>3</sup> Walaupun demikian masih banyak yang perlu dilakukan kerajaan Indonesia memandangkan pendidikan masih dianggap mahal dan infrastruktur yang masih banyak ketinggalan.<sup>4</sup>

Realitinya, kemudahan pendidikan di Indonesia masih belum mampu menampung permintaan yang tinggi di kalangan rakyatnya yang berjumlah lebih 200 juta orang. Sistem yang dikendalikan oleh kerajaan pula masih tidak dapat memenuhi sepenuhnya kehendak rakyat. Sehingga kini kerajaan hanya dapat menampung 20 peratus daripada lulusan SLTA yang ingin menyambung pelajaran.<sup>5</sup>

Sistem pendidikan di Indonesia yang masih bergelut dengan pelbagai masalah menyebabkan masyarakat mula mengambil inisiatif sendiri sama ada oleh orang perseorangan atau secara berorganisasi. Justeru berbagai-bagai yayasan ditubuhkan untuk membantu masyarakat sama ada dalam bidang sosial, pendidikan dan sebagainya. Yayasan adalah organisasi yang didirikan untuk tujuan sosial dan tidak berasaskan keuntungan.<sup>6</sup>

Antara matlamat penubuhannya ialah untuk kepentingan rumah ibadah, pendidikan, memelihara anak yatim piatu dan menyantuni orang miskin. Biasanya yayasan seperti ini punya pengurus yang diwajibkan mengurus kelangsungan yayasan. Dengan demikian motif mendirikan yayasan adalah untuk beramal sesuai tujuan agama. Ada juga yang diwujudkan diperuntukan bagi melestarikan harta warisan turun temurun, dimana yang menjadi ketua yayasannya adalah ahli waris. Yayasan seperti ini banyak tumbuh di kalangan pesantren.<sup>7</sup>

Bagi mereka yang menginginkan sistem pendidikan berteraskan Islam, sistem yang dianjurkan pemerintah dilihat masih tebal dengan pengaruh sekularisme, ini menyebabkan mereka lebih selesa memilih institusi pendidikan seperti pesantren-pesantren yang didirikan oleh pihak swasta. Di Indonesia pesantren memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk masyarakat, namun cabaran modenisasi yang hebat menyebabkan sesetengah pesantren sukar untuk meneruskan survivalnya. Dalam menghadapi cabaran ini pesantren-pesantren sudah mula mengorak

---

<sup>1</sup> <http://www.worldbank.org/in/country/indonesia/brief/world-bank-and-education-in-indonesia>

<sup>2</sup> <http://www.tempo.co/read/news/2013/11/29/079533298/36-Juta-Warga-Indonesia-Masih-Buta-Aksara>

<sup>3</sup> <http://www.mstar.com.my/berita/berita-sembasa/2014/10/10/bajet-peruntukan-kementerian-pendidikan/>

<sup>4</sup> <http://www.umm.ac.id/id/detail-328-permasalahan-pendidikan-di-indonesia-opini-umm.html>

<sup>5</sup> [http://www.uia.ac.id/index.php?option=com\\_content&view=article&id=47&Itemid=58](http://www.uia.ac.id/index.php?option=com_content&view=article&id=47&Itemid=58)

<sup>6</sup> [http://www.bphn.go.id/data/documents/lit\\_2012\\_-\\_5.pdf](http://www.bphn.go.id/data/documents/lit_2012_-_5.pdf) Laporan Akhir Penelitian Hukum

Tentang Perbandingan Tujuan Dan Pola Kerjayayasan Di Beberapa Negara Dan kemungkinan Penerapannya di Indonesia, Badan Pembinaan Hukum Nasional Kementerian Hukum Dan Hak Asasi Manusia Ri, Tahun 2012

<sup>7</sup> Ibid.

langkah dengan terlibat dengan aktiviti perekonomian, namun realitinya untuk mendapatkan dana bukanlah mudah. Kekangan dana ini menyebabkan banyak pesantren tidak dapat melaksanakan misi dan visi mereka dengan baik.<sup>8</sup>

Analisis yang dilakukan oleh Kementerian Agama Indonesia (Kemenag) untuk tahun 2011-2012 mendapati jumlah santri pondok pesantren di 33 wilayah di seluruh Indonesia mencapai 27 230 pondok pesantren dengan santri (pelajar) seramai 3,759,198 orang.<sup>9</sup> Ini merupakan satu jumlah yang sangat besar, apatah lagi majoriti pesantren mampu hidup dengan usaha sendiri tanpa bantuan kerajaan.

### **3. WAKAF DI INDON**

Amalan wakaf di Indonesia bukanlah baharu bahkan telah wujud seawal kewujudan masyarakat Islam di sana. Keperluan kepada infrastruktur dan kemudahan yang baik untuk melaksanakan amalan agama dapat dipenuhi dengan amalan wakaf sama ada dalam bentuk tanah, bahan bangunan ataupun tenaga manusia. Walaupun demikian pelbagai cabaran baru muncul seiring perubahan zaman seperti konsep baru wakaf, pengurusan wakaf yang lebih produktif, penubuhan badan pengurusan, peraturan dan undang-undang yang menyokongnya serta komitmen bersama antara nazir, pemerintah dan masyarakat untuk mengembangkan wakaf secara lebih produktif.<sup>10</sup>

Data dari Kementerian Agama Indonesia tahun 2012 menunjukkan, aset wakaf Indonesia mencapai 3.49 bilion meter persegi tanah di 420,003 tempat di seluruh negara tersebut. Jika dinilai dalam bentuk wang dengan anggaran harga tanah Rp100 ribu per meter persegi, ia mencapai Rp349 triliun. Satu jumlah yang sangat besar.<sup>11</sup>

Potensi perkembangan wakaf di Indonesia sangat besar, itu pun jika ia benar-benar dijanakan dengan bersungguh-sungguh dan diurus dengan baik. Sebagai contoh, setelah Undang-undang Wakaf tahun 2004 mengesahkan keharusan berwakaf dengan wang, jumlah wang yang boleh diperolehi mampu mencecah Rp120 triliun setahun jika 100 juta rakyat negara itu berwakaf dengan hanya Rp100 ribu sebulan.<sup>12</sup>

### **4. MASALAH HARTA WAKAF**

Walaupun jumlah harta wakaf di Indonesia sangat besar, kebanyakannya masih lagi statik dari segi penggunaan dan pengembangannya. Dianggarkan 77 peratus harta wakaf yang ada bersifat statik dan 33 peratus sahaja yang boleh dijana semula pendapatannya<sup>13</sup>. Hal ini semakin disedari oleh banyak pihak, justeru banyak perbincangan dan usaha mula dilakukan atas nama 'wakaf produktif'. Masih ramai yang beranggapan wakaf hanyalah berkaitan aset tetap berupa tanah dan bangunan, malah penggunaannya juga sangat sinonim dengan aktiviti yang bersifat keagamaan yang ritual seperti pembinaan masjid, perkuburan dan pengajian agama sahaja.

Dalam menjana wakaf produktif, wakaf wang tunai juga mula dipromosikan sejak akhir-akhir ini melalui pelbagai pihak terutama oleh Badan Wakaf Indonesia (BWI) yang ditubuhkan oleh kerajaan.

---

<sup>8</sup> Miftahul Huda. 2010. Fundrising Wakaf Pesantren. Jurnal Penelitian Keislaman, Vol. 6, No. 2, Juni 2010: 419-444.

<sup>9</sup> Analisis Statistik Pendidikan Islam 2011/2012, Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag), 2013 <http://pendis.kemenag.go.id/file/dokumen/pontrenanalisis.pdf>

<sup>10</sup> Miftahul Huda.2010

<sup>11</sup> <http://bwi.or.id/index.php/in/artikel/1199-memproduktikan-aset-wakaf-nasional>

<sup>12</sup> ibid

<sup>13</sup> <http://bwi.or.id/index.php/in/data-a-publikasi/artikel/264-aset-wakaf-sangat-besar-tapi-belum-produktif>

Namun sebenarnya, di tengah-tengah timbunan harta wakaf yang dianggap tidak produktif itu, masih terdapat banyak yayasan-yayasan yang sangat kreatif dalam mengembangkan harta wakaf mereka walaupun dari segi peratusannya masih kecil. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui kejayaan beberapa yayasan yang menguruskan institusi pendidikan sama ada pesantren, sekolah dasar malah hingga ke peringkat universiti sekalipun. Antara contoh institusi yang sangat produktif dari segi pengurusan harta wakaf ialah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM) Gontor, Yayasan Darunnajah, Yayasan Wakaf Universittas Muslim Indonesia dan Yayasan al Muhajirin, Jakapermai.

Dalam menggerakkan harta wakaf supaya lebih produktif dan memberi impak maksima kepada penerima manfaatnya, nazir wakaf dianggap antara orang paling penting. Nazir ialah orang yang diberi kuasa dan bertanggungjawab dalam pengurusan sesuatu harta wakaf. Kebijaksanaan nazir untuk mengumpulkan dana wakaf adalah langkah yang sangat penting sebelum aspek-aspek lain dalam pengurusan wakaf. Justeru, nazir atau organisasi yang dipertanggungjawabkan tidak sepatutnya dianggotai oleh orang yang hanya mahir dalam bidang keagamaan tetapi terbuka kepada sesiapa sahaja yang boleh melihat peluang-peluang penjanaaan sumber wakaf dan cara pengembangannya yang produktif<sup>14</sup>.

## **5. MODEL-MODEL WAKAF**

Terdapat banyak institusi pendidikan yang aktif dalam mengembangkan aset mereka walaupun pada asalnya bermula dengan tanah-tanah yang diwakafkan secara kecil-kecilan. Berikut beberapa institusi pendidikan yang boleh dijadikan contoh:

### **a. PESANTREN TEBUIRENG JOMBANG.**

Di Pesantren Tebuireng, amalan wakaf sawah padi telah lama dilakukan sebelum pengurusan wakaf dilakukan dengan lebih tersusun. Pesantren ini wujud sejak 1899 dan diasaskan oleh KH Hasyim Asy'ari, salah seorang tokoh pengasas Nahdatul Ulama. Beliau merupakan orang yang pertama mewakafkan tanahnya seluas 13 hektar pada tahun 1946. Selepas kematian beliau tradisi sebagai nazir wakaf diteruskan oleh kiyai-kiyai pesantren tersebut. Pengurusan wakaf pada awalnya diuruskan oleh nazir secara persendirian dengan melantik beberapa orang kepercayaannya di kampung-kampung terdekat untuk menguruskan sawah-sawah pondok. Walaupun begitu, disebabkan tidak adanya sistem yang baik untuk menguruskannya, hasil yang diperolehi masih tidak mencukupi untuk menampung perkembangan aktiviti pesantren.

KH Hasyim sangat menyedari akan kepentingan wakaf ini, itulah sebabnya beliau mewakafkan tanahnya walaupun belum dapat memenuhi seratus peratus keperluan pesantren. Melalui hasil wakaf tersebut jugalah beliau dan keluarga beserta tenaga pengajar yang tidak berkemampuan dapat memenuhi keperluan hidup seharian. Namun pada waktu itu belum ada usaha untuk menjana harta wakaf daripada masyarakat luar untuk kepentingan pesantren tersebut.

Kesedaran untuk menggembeleng harta wafaf lebih terserlah apabila KH Sholahuddin Wahid menjadi tenaga pengajar. Pada tahun 1982 keputusan telah dicapai untuk menarik kembali semua pengurusan sawah milik pesantren dari orang-orang kampung dan diserahkan sepenuhnya pengurusannya kepada pihak pesantren. Sejak itu, sawah-sawah wakaf yang umumnya diguna untuk

---

<sup>14</sup> Miftahul Huda.2010.

menanam tebu mula diurus dengan baik dan dapat menghasilkan keuntungan yang lebih besar, begitu juga tanaman padi yang dapat dituai empat kali setahun.

Dari segi susunan organisasi, nazir wakaf adalah sebahagian kecil daripada Yayasan Hasyim Asy'ari dan lebih fokus kepada pengurusan harta wakaf termasuk memelihara, memperluas wakaf yang ada, merancang penggunaannya, mengurus persijilan dan hal-hal yang berkaitan hukum terhadap harta yang diwakafkan. Walaupun nampak sistematik dari segi pengurusan, hakikatnya pihak pengurusan wakaf masih dalam proses menambah baik pelaksanaan dan pengurusan harta wakaf. Alasan yang sering dikemukakan ialah kurangnya sumber manusia yang cekap dari segi pengurusan dan dapat menyesuaikan diri dengan situasi dan kondisi pesantren. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah tanah yang dimiliki oleh pesantren ini.

NO	WAKIF	LUAS TANAH	KETERANGAN
1	KHM Hasyim Asy'ari	137.850 m2	Kompleks sawah dan pondok
2	Wakif Masyarakat	149.532 m2	Kawasan sekitar pondok dan beberapa sawah dan perkarangan di luar pondok
3	Pembelian atas nama Wakaf Tebuireng	118.436m2	Beberapa kawasan bangunan madrasah dan sekolah serta sawah di luar Tebuireng
	JUMLAH	405.824m2 (405 hektar)	

Jadual 1: Jumlah keluasan tanah Pesantren Tebuireng.

Di samping wakaf dalam bentuk tanah, nazir wakaf Tebuireng juga mengusahakan wakaf dalam bentuk bangunan seperti masjid, asrama santri, madrasah, sekolah dan bangunan pelbagai guna. Wakaf bangunan ini berasal sama ada daripada wang yang diwakafkan atau sememangnya bangunan yang dibina kemudian di wakafkan.

#### **b. PESANTREN DARUNNAJAH**

Pesantren Darunnajah antara yang terbesar di Indonesia. Bermula hanya dengan pesantren biasa kini ia mempunyai 14 cawangan di serata negara tersebut. Darunnajah bukan hanya mempunyai pesantren biasa tetapi juga Taman Kanak-kanak (tadika), Sekolah Dasar, Sekolah Tinggi Islam dan Sekolah Tinggi IT. Walaupun secara rasmi Pesantren Darunnajah bermula pada 1974 di Ulujami, Jakarta tetapi sebelum itu ia telah bermula dengan penubuhan madrasah yang diusahakan oleh KH Abdul Manaf Mukhayyar seawal 1942. Pada 3 September 1960 Yayasan Kesejahteraan Masyarakat Islam (YKMI) yang sekarang lebih dikenali dengan Yayasan Darunnajah ditubuhkan dengan tujuan untuk turut serta secara aktif dalam pembangunan manusia di Indonesia. Pada 1961 madrasah anjuran kiyai tersebut telah beroperasi di enam tempat yang kesemuanya adalah tanah wakaf. Yayasan ini sangat berjaya dalam pembinaan institusi pendidikan seawal Taman Kanak-kanak, Sekolah Dasar Islam, Madrasah Sanawiyahdan 'Aliyah serta Sekolah Tinggi Agama Islam Darunnajah. Lokasinya tersebar baik di Pulau Jawa mahupun di luarnya.<sup>15</sup> Kini jumlah kakitangan Darunnajah di seluruh Indonesia sebanyak 1,800 orang dan guru-gurunya sahaja sebanyak 800 orang.

Yayasan Darunnajah menetapkan bahawa seluruh tanah dan bangunan milik yayasan ini yang dimanfaatkan untuk pendidikan dinyatakan sebagai wakaf Islam yang abadi. Hal ini sesuai dengan

<sup>15</sup> <http://darunnajah.com/>

cita-cita para wakif dan pembina pesantren yang mengharapkan perkembangan dan kelangsungan lembaga pendidikan ini nanti.<sup>16</sup>

Wakif tanah di Ulujami Jakarta K.H.Abdul Manaf Mukhayyar, Drs.K.H. Mahrus Amin dan Drs.H. Kamaruzzaman Muslim atas nama para dermawan yang mewakaf tanah di Cipining Bogor seluas 70 hektar mengikrarkan wakaf kembali di hadapan para ulama dan umara dalam acara nasional di Darunnajah pada 7 Oktober 1994. Kini dengan 14 cawangan, aset tanahnya telah mencecah lebih 300 hektar.

Pengurusan Yayasan Darunnajah sangat kompeten dalam mengembangkan lagi ekonomi mereka. Walaupun Darunnajah 1 terletak di Jakarta, tanah yang dimilikinya bertebaran di seluruh Indonesia. Salah satu projek yang dilakukan ialah dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit. Ladang kelapa sawit seluas 313 hektar yang dimiliki Darunnajah, menghasilkan sekitar Rp 600-800 juta sebulan (RM200 000 - RM270 000) ketika harga baik dan sekitar Rp 300 -500 juta (RM100,000 - RM 300,000) ketika harga agak rendah. Menariknya, yang menguruskan ladang tersebut kesemuanya daripada Darunnajah sendiri.<sup>17</sup>

### c. PONDOK MODERN DARUSSALAM GONTOR

Pengelolaan wakaf pendidikan yang boleh dianggap paling berjaya di Indonesia (mungkin juga di Asia Tenggara) ialah yang dilakukan oleh Yayasan Pemeliharaan dan Peluasan Pondok Modern Gontor, Ponorogo (PMDG). Sepertimana yang dilaporkan oleh Republika, nilai aset wakaf PMDG kini mencecah berbilion rupiah.<sup>18</sup>

Dari segi sejarah, pondok ini telah didirikan pada 20 September 1926 bersamaan 12 Rabiul Awwal 1345 di Ponorogo, Jawa Timur oleh tiga anak lelaki Kyai Santoso Anom Besari. Mereka ialah KH Ahmad Sahal (1901-1977), KH Zainudin Fananie (1905-1967) dan KH Imam Zarkasyi (1910-1985). Gabungan tiga bersaudara ini dikenali sebagai Trimurti. Kini PMDG diterajui oleh KH Samsul Hadi Abdan, Dr.KH. Abdullah Syukri Zarkasyi, MA dan KH Hasan Abdullah Sahal.

Pada awalnya pondok ini beroperasi sepertimana pesantren-pesantren lain yang menumpukan pengajaran ilmu-ilmu Islam secara tradisional. Bermula 1936 perkataan 'Modern' mula digunakan secara rasmi yang menggambarkan perubahan sistem pendidikan baru yang menggantikan sistem lama yang agak tradisional.<sup>19</sup> Sehingga tahun 2013 PMDG telah mempunyai 13 cawangan di seluruh Indonesia. Ini tidak termasuk *Kulliyatul Mua'llimin al Islamiyah* dan Institut Studi Islam Darussalam yang bertaraf universiti. Jumlah keseluruhan pelajar PMDG mencecah 20 757 orang.<sup>20</sup>

Lembaga tertinggi dalam organisasi Balai Pendidikan Pondok Modern Darussalam Gontor ialah Badan Wakaf. Badan Wakaf adalah semacam badan legislatif yang dianggotai 15 orang, bertanggungjawab atas segala pelaksanaan dan perkembangan pendidikan dan pengajaran di Pondok Modern. Untuk tugas dan kewajiban seharian, ia dijalankan oleh organisasi yang dikenali sebagai Pimpinan Pondok.

---

<sup>16</sup> Tata Fathurrohman, 2013, *Al Awqaf-Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam* (Januari 2013) Badan Wakaf Indonesia.

<sup>17</sup> <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/13/02/13/mi5j8o-pesantren-kembangkan-ekonomi-1>

<sup>18</sup> <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/wakaf/13/12/30/myly4k-wakaf-pesantren-gontor-capai-miliaran-rupiah>.

<sup>19</sup> Uswatun Hasanah & Fahrurroji, 2013, *Al Awqaf-Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam* (Januari 2013) Badan Wakaf Indonesia.

<sup>20</sup> Wardun (Warta Dunia Pondok Modern Darussalam), 2013.

Pimpinan Pondok Modern Darussalam Gontor merupakan badan eksekutif (setelah kematian para pengasas Pondok) yang dipilih oleh Badan Wakaf setiap lima tahun sekali. Dengan demikian Pimpinan Pondok adalah orang yang diberikan mandat oleh Badan Wakaf untuk menjalankan keputusan-keputusan Badan Wakaf dan bertanggungjawab kepada Badan Wakaf PMDG. Di samping memimpin lembaga-lembaga dan bahagian-bahagian di Balai Pendidikan PMDG, pimpinan Pondok juga berkewajiban mengasuh para santri sesuai dengan sunnah Balai Pendidikan PMDG. Lembaga-lembaga dan atau bahagian-bahagian yang berada di bawah Pimpinan Pondok Modern Darussalam Gontor adalah sebagai berikut:

1. Lembaga perguruan menengah dengan masa belajar 6 atau 4 tahun, setaraf Tsanawiyah dan Aliyah, bernama Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyah (KMI)
2. Lembaga perguruan tinggi yang disebut Institut Studi Islam Darussalam (ISID),
3. Lembaga Pengasuhan Santri yang menguruskan bidang pengasuhan santri khususnya bidang ko kurikulum.
- d. Lembaga yang bergerak dalam bidang penggalian dana, pemeliharaan, perluasan, dan pengembangan aset-aset Pondok yang disebut Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM).
5. Lembaga wadah pemersatu para alumni Gontor yang disebut Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM).

### **Penjanaan Wakaf Di PMDG**

Pelaksanaan wakaf di Pondok Modern Darussalam berasaskan pemahaman bersama Trimurti bahawa pondok bukanlah medan perniagaan tetapi medan beramal dan pengabdian sosial. Pondok adalah milik seluruh umat Islam dan bukan milik keluarga, justeru maju atau mundurnya amat bergantung kepada kesedaran umat itu sendiri.<sup>21</sup>

Untuk menzahirkan penyerahan secara rasmi pesantren ini kepada ummah, maka pada tahun 1951 bertepatan dengan ulang tahunnya seperempat abad ikrar wakaf telah diadakan. Ikrar ini menyatakan PMDG adalah milik seluruh umat Islam dan maju mundurnya adalah bergantung kepada kesedaran umat Islam sendiri sebagai pemiliknya. Untuk menunjukkan kekuatan dan formaliti ikrar tersebut dari segi undang-undang maka pada bulan 12 Oktober 1958, waqif atas nama pendiri Pondok Modern Darussalam Gontor yang digelar Trimurti menandatangani Piagam Penyerahan Wakaf PMDG kepada 15 orang wakil daripada Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM) yang merupakan alumni PMDG.<sup>22</sup>

Aset yang diserahkan pada saat itu berupa sawah seluas 1.74 hektar, tanah kering 16.85 hektar dan 12 bangunan beserta kelengkapannya (satu masjid, dua bangunan sekolah, satu balai pertemuan, enam asrama santri, satu perumahan guru dan satu bangunan perpustakaan) yang keseluruhannya berkeluasan 4995.73 m<sup>2</sup>. Di samping itu terdapat harta wakaf yang secara tidak langsung turut diserahkan dalam piagam tersebut iaitu kira-kira 40 pohon kelapa milik KH. Ahmad Sahal yang tumbuh di kawasan pondok. Wakaf itu juga tidak termasuk sawah seluas 8 hektar yang diwakafkan

---

<sup>21</sup> Uswatun Hasanah & Fahrurroji. 2013.

<sup>22</sup> Ibid



untuk guru dan diurus secara terpisah. Di samping itu rumah dan percetakan yang berada di kompleks pondok juga tidak diwakafkan.

Secara umumnya pelaksanaan wakaf di PMDG ini adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

1. Wakaf diberikan kepada alumni dan keluarga yang dianggap tahu visi, misi PMDG serta menghayati sunnah, nilai dan disiplinnya.
2. Yayasan wakaf ditubuhkan.
3. Di dalam akta wakaf digabungkan wewenang pendiri (selama pendiri masih hidup pengurus yayasan sebagai pembantu pendiri).
4. Anggota Badan Wakaf tidak boleh menggantungkan hidupnya daripada pondok.
5. Keluarga pondok adalah pembantu pondok secara langsung.
6. Keluarga tidak mempunyai hak pewarisan terhadap pondok kecuali yang terlibat secara langsung sesuai dengan prosedur yang ditetapkan.

Tugas menguruskan harta wakaf diuruskan oleh organisasi yang dinamakan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM). Ia ditubuhkan pada 18 Mac 1959 yang berfungsi menguruskan harta-harta wakaf dan mengembangkannya.

### **Pemeliharaan Dan Pengembangan Aset PMDG**

YPPWPM memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembangkan lagi aset PMDG. Ketika mula-mula diwakafkan pada tahun 1958 tanah wakaf yang dimiliki hanya sebanyak 18.59 hektar, tetapi pada tahun 2012 aset tanah wakafnya berkembang sehingga 727.367 hektar. Data terkini pada 2013 aset tanah tersebut telah melebihi 747.27 hektar<sup>23</sup>. Aset tersebut meliputi tanah yang berada di seluruh 21 kabupaten di Indonesia. Pada tahun 2011-2012 sahaja perluasan tanah mencapai 1, 158 822 m2 melalui pembelian tanah baru. Jadual berikut menjelaskan jumlah aset tanah yang dimiliki oleh PMDG:

NO	TAHUN	LUAS (hektar)
1	1926 -1985	22408
2	1986-1990	7.23
3	1991-1995	15.75
4	1996-2000	24.72
5	2001-2005	77.01
6	2006-2010	262.71
7	2011-2012	115.88
JUMLAH		727.37

Jadual 2: Jumlah keluasan tanah Pondok Modern Darussalam Gontor.

Salah satu usaha untuk memproduktifkan wakaf agar dapat menjanakan keuntungan yang lebih baik, maka Koperasi Pondok Pesantren (Kopontren) La Tansa telah diwujudkan. Kewujudan koperasi ini merupakan manifestasi daripada Panca Jiwa PMDG iaitu Jiwa Kemandirian. Sehingga 2013 sebanyak 28 jenis aktiviti ekonomi yang telah diusahakan oleh Kopontren.<sup>24</sup> Jadual berikut menyenaraikan aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh koperasi ini:

BIL	AKTIVITI	MULA	BIL	AKTIVITI	MULA
-----	----------	------	-----	----------	------

<sup>23</sup> Wardun.2013

<sup>24</sup> Ibid.



1	Penggilingan padi	1970	15	Wisma Darussalam	1999
2	Percetakan Darussalam	1983	16	Wartel Sudan	1999
3	KUK Palen	1985	17	Komputer Center	1999
4	KUK Toko Besi	1988	18	Fotokopi Asia	2000
5	Toko Buku La Tansa	1989	19	La Tansa Timur	2002
6	KUK Mini Market	1990	20	Potong Ayam	2002
7	Bakso La Tansa	1990	21	DC Matingan	2003
8	KUK Fotokopi	1990	22	Pabrik Roti	2003
9	Wartel Gambia	1991	23	Air Minum La Tansa	2004
10	Apotik La Tansa	1991	24	Toko Alat Olahraga	2005
11	Pabrik Es	1996	25	Konpeksi	2006
12	Perkulaan	1997	26	Wartel al Azhar	2006
13	Kendaraan	1998	27	Mi Ayam	2006
14	Kantin al Azhar	1999	28	Teh La Tansa	2009

Jadual 3: Aktviti ekonomi yang dijalankan di Pondok Modern Darussalam Gontor.

Setiap tahun, semua unit ekonomi tersebut wajib membuat laporan yang meliputi segala kegiatan yang berlangsung di bahagian masing-masing beserta laporan kewangannya. Sebagai langkah efisien, setiap 15 hari sekali semua usaha akan melaporkan kewangannya kepada Ketua Kopontren La Tansa PMDG, yang selanjutnya dilaporkan ke pimpinan pondok.<sup>25</sup>

Kesemua aktiviti ekonomi yang ada di PMDG ini diusahakan sendiri oleh para santri dan guru-guru mereka sendiri. Ini merupakan manifestasi kecintaan dan keikhlasan mereka untuk berkhidmat kepada pesantren yang menjadi dunia kehidupan mereka sendiri. Hasil yang diperolehi daripada pelbagai sumber tersebut akan digunakan kembali untuk memenuhi keperluan mereka dan pesantren sendiri. Ini merupakan satu bentuk pendidikan agar mereka mampu hidup berdikari.

Antara penggunaan hasil aktiviti yang berasaskan wakaf tadi ialah memberikan subsidi pembiayaan pendidikan kepada santri mahupun mahasiswa yang berstatus guru. Hasil wakaf juga digunakan untuk membiayai pengembangan pendidikan dan pembukaan cawangan pondok yang baru.

Kekayaan pondok ini bukan sahaja dinikmati oleh santri, guru dan pentadbirnya malah ia juga dirasai oleh penduduk sekitar. Berbagai-bagai kemudahan dan infrastruktur masyarakat dapat dibina dengan usaha dan bantuan pihak pondok contohnya Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat yang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada mereka tanpa pergi jauh ke Ponorogo.<sup>26</sup>

## 6. SUMBER-SUMBER HARTA WAKAF

Umumnya harta wakaf yang diperolehi oleh kebanyakan pesantren adalah daripada tiga kategori sumber utama iaitu individu, organisasi dan perusahaan atau pemerintah. Wakaf daripada individu adalah cara yang telah lama diamalkan sejak dahulu dan ia antara sumber wakaf yang utama. Harta wakaf diproleh sama ada daripada pendiri pesantren tersebut atau keluarganya mahupun orang perseorangan yang bersimpati dan bermotivasi untuk melihat perkembangan syiar Islam. Kedua-dua cara ini berlaku pada kebanyakan pesantren di Indonesia sepertimana KH Hasyim Asy'ari yang mewakafkan 13 hektar tanahnya untuk pondok pesantren Tebuireng Jombang dan tiga bersaudara yang mewakafkan tanah untuk pondok pesantren Gontor. Waqif individu dari kalangan masyarakat

<sup>25</sup> <http://latansabukugontor.wordpress.com/profil-2/>

<sup>26</sup> Uswatun Hasanah. 2013

sangat banyak berlaku kepada pondok Gontor malah setiap tahun ada sahaja waqif-waqif baharu yang muncul.<sup>27</sup>

Sumber kedua harta wakaf ialah daripada organisasi atau perusahaan (korporat). Wakaf yang dilakukan kebanyakannya oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek atau perkhidmatan yang diberikan kepada pesantren. Ini juga merupakan praktis yang semakin menjadi tren yang dikenali sebagai CSR (*corporate social responsibility*). Ini pernah dilakukan oleh pesantren Gontor dengan mengusahakan tanaman kelapa sawit seluas 300 hektar di Jambi secara usaha sama dengan sebuah syarikat. Walaupun penjanaan wakaf secara bersama antara pesantren dan syarikat masih belum meluas tetapi potensinya amat besar, namun ia memerlukan pendekatan yang profesional dan sesuai dengan dunia korporat.

Sumber ketiga harta wakaf pesantren ialah daripada kerajaan sama ada dalam ataupun luar negara. Sebagai contoh kerajaan Indonesia ada menawarkan harta wakaf yang besar melalui BWI kepada pesantren tertentu<sup>28</sup>. Kerajaan-kerajaan Islam yang kaya seperti Arab Saudi, Qatar, Kuwait dan Emirates juga sering memberikan sumbangan wakaf untuk kemajuan banyak pesantren di Indonesia.

## 7. PENJANAAN HARTA WAKAF

Terdapat tiga kaedah utama penjanaan harta wakaf yang dilakukan oleh pesantren-pesantren berdasarkan hasil kajian Miftahul Huda.<sup>29</sup> Kaedah pertama ialah dengan mencari dan mendapatkan harta-harta wakaf baru daripada masyarakat yang berminat. Ia dilakukan dengan pelbagai cara seperti memohon bantuan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang berpotensi sama ada organisasi atau orang perseorangan. Hubungan dan komunikasi yang baik dengan masyarakat serta syarikat-syarikat korporat sentiasa dikekalkan. Usaha ini juga dilakukan apabila pesantren menerima tetamu-tetamu daripada luar yang datang melawat.

Kaedah kedua ialah dengan mengembangkan semula harta wakaf yang sedia ada melalui pelbagai usaha yang produktif untuk menghasilkan pulangan yang lebih banyak. Hal ini dilihat sangat aktif dilakukan oleh pesantren Gontor, Darunnajah dan Sidogiri. Hasilnya bukan sahaja dapat membangunkan prasarana pesantren bahkan boleh dinikmati oleh pelajar-pelajar melalui biasiswa-biasiswa yang diberikan.

Kaedah ketiga yang dilakukan ialah menjana tenaga melalui sumber *non financial*. Ia diperolehi dengan sumbangan dalam bentuk barang dan sumbangan tenaga. Contoh sumbangan ialah kitab-kitab, komputer, mesin-mesin dan sebagainya. Selain daripada sumbangan masyarakat yang bersimpati peranan alumni sangat penting. Pesantren Gontor sebagai contoh, melaksanakan wakaf diri secara sistematik. Ini adalah sesuatu yang sukar dicari di tempat lain. Para alumni yang telah tamat belajar akan berkhidmat semula dengan pesantren sama ada sebagai guru dan sebagainya, malah ada yang berikrar untuk berkhidmat sepanjang hayat. Walaupun upah yang diberikan oleh pesantren tidak lumayan tetapi atas dasar mewakafkan diri untuk pesantren, mereka boleh melakukannya dengan sukarela.

## 8. FAKTOR KEJAYAAN INSTITUSI PENDIDIKAN DAN KAITANNYA DENGAN WAKAF

---

<sup>27</sup> Miftahul Huda. 2010.

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Ibid.

Melihat kepada kejayaan institusi-institusi pendidikan Islam Indonesia sedari pesantren sehinggalah kepada universiti, tentu sekali terdapat beberapa faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan tersebut.

Antara faktor utama kejayaan tersebut ialah keikhlasan hati para pendiri pesantren masing-masing. Kebanyakan ulama / kiyai yang mendirikan pesantren secara sukarela mewakafkan tanah dan lain-lain harta mereka untuk melihat kemajuan institusi tersebut. Faktor ini sangat penting kerana ia adalah sebahagian daripada perjuangan melawan kejahilan yang berlegar di sekitar masyarakat.<sup>30</sup> Ketika kerajaan yang memerintah dilihat gagal dalam menyediakan sistem pendidikan yang baik untuk rakyat, kiyai-kiyai inilah yang bersusah payah memimpin masyarakat keluar daripada kegelapan dan kejahilan seawal sekolah tadika, pesantren hingga ke peringkat universiti. Keikhlasan jiwa dengan semangat perjuangan inilah menyebabkan sesebuah pesantren itu mampu bertahan sehingga puluhan tahun walaupun tanpa bantuan kerajaan yang memerintah.

Faktor kedua yang menyumbang kepada kejayaan institusi pendidikan dan pesantren ialah sokongan kuat daripada masyarakat. Masyarakat sekitar yang masih banyak kekurangan sama ada dari aspek material dan akademik merasakan pesantren seolah-olah tempat pergantungan. Mereka bukan sahaja mendapat ilmu agama dan panduan hidup daripada guru-guru pesantren, malah adakalanya lain-lain perkhidmatan seperti klinik kesihatan dan kedai runcit<sup>31</sup>. Tidak kurang juga ahli masyarakat sekitar yang bekerja dengan pesantren untuk menyara hidup mereka. Kos untuk belajar di pesantren lebih murah berbanding sesetengah sekolah kerajaan malah dalam kes tertentu ada yang diberikan secara percuma. Terdapat juga pesantren menjadikan khidmat masyarakat sebagai aktiviti wajib mereka. Bagi mereka yang berharta pula, setelah melihat dan meyakini kemampuan pengurusan pesantren, berbagai-bagai sumbangan diberikan sama ada dalam bentuk sedekah, hadiah dan wakaf sebagai tanda sokongan.<sup>32</sup>

Faktor ketokohan pengasas pesantren juga menyumbang kepada kejayaan institusi itu<sup>33</sup>. Pengasas pesantren yang dilihat berilmu tinggi, warak dan tidak mementingkan diri sendiri menimbulkan keyakinan masyarakat tentang keikhlasan mereka, justeru mereka menyerahkan sebahagian harta sebagai sedekah atau wakaf untuk memajukan pesantren. Ketokohan ini juga menarik minat ribuan pelajar untuk berguru dengan mereka<sup>34</sup>. Ramai kiyai-kiyai yang hebat di Indonesia bukan hanya mengajar di masjid-masjid tetapi memimpin masyarakat melalui institusi pendidikan mereka mereka sendiri seperti KH Hasyim Asy'ari, KH Abdullah Syafie, KH Mahrus Amin dan banyak lagi. Ketokohan ini juga mewujudkan keyakinan masyarakat untuk terus memberikan sumbangan seperti wakaf.

Kejayaan pesantren juga adalah disebabkan pengurusan pesantren yang profesional dan berwawasan. Pengurusan yang profesional terutama dalam menguruskan harta adalah sangat penting kerana pesantren hidup secara berdikari tanpa apa-apa bantuan pemerintah, jika adapun sangat sedikit jumlahnya. Pesantren-pesantren yang berjaya tidak statik dalam menguruskan harta wakaf malah sangat kreatif agar harta tersebut lebih produktif dari segi pengembangan dan pemantafaatannya. Pesantren Gontor sebagai contoh mempunyai 29 aktiviti ekonomi di samping yayasannya (YPPWPM). yang sangat aktif dalam mencari lagi dana-dana baru. Pesantren Sidogiri

---

<sup>30</sup> Temuramah bersama Prof.Dr.Ahmad Satori. 4 November 2014.

<sup>31</sup> Ita Anistianah. 2013. Al Awqaf-Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam (Julai 2013) Badan Wakaf Indonesia.

<sup>32</sup> Miftahul Huda. 2010.

<sup>33</sup> Prof.Dr. Ahmad Satori. 2014

<sup>34</sup> Ketokohan Kiyai Hasyim Asy'ari yang merupakan pengasas Nahdatul Ulama berjaya menarik ribuan pelajar dari pelbagai pelusuk Nusantara sehingga ke Singapura dan Tanah Melayu. Dikatakan pada zaman pemerintahan Jepun jumlah ulama di Indonesia sekitar 25 000 orang dan hampir semuanya pernah berguru dengan beliau. Rujuk <http://tebuieng.org/sejarah/>

yang wujud sejak tahun 1745 dan mempunyai pelajar sekitar 10 ribu setiap tahun <sup>35</sup>, memiliki koperasi pesantren (kopontren) yang mempunyai berbagai-bagai jenis perniagaan meliputi kedai runcit, wartel, kedai buku, pasar mini, penapisan air, percetakan dan sebagainya. Di Jawa Timur sahaja terdapat 36 cawangan kopontrennya.<sup>36</sup>

## 9. KESIMPULAN

Wakaf ternyata telah menjadi instrumen yang sangat penting dalam perkembangan institusi pendidikan Islam di Indonesia. Disebabkan kompleksnya masalah yang berlegar dalam masyarakat serta pelbagai kelemahan di pihak pemerintah, masyarakat lebih selesa mengusahakan sendiri institusi pendidikan mereka melalui pelbagai sumbangan terutama wakaf. Namun pengurusan wakaf yang cekap dan kreatif adalah sangat perlu untuk memastikan harta wakaf terus berkembang dan mampu menampung keperluan sesebuah institusi. Kejayaan pengurusan wakaf yang produktif seperti contoh-contoh yang telah dibincangkan di atas membolehkan sesebuah institusi itu mampu bertahan sehingga puluhan tahun lamanya dan terus memberi khidmat kepada masyarakat sekitar walaupun tanpa bantuan pemerintah.

## RUJUKAN.

1. <http://www.worldbank.org/in/country/indonesia/brief/world-bank-and-education-in-indonesia>
2. <http://www.tempo.co/read/news/2013/11/29/079533298/36-Juta-Warga-Indonesia-Masih-Buta-Aksara>
3. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/10/10/bajet-peruntukan-kementerian-pendidikan/>
4. <http://www.umm.ac.id/id/detail-328-permasalahan-pendidikan-di-indonesia-opini-umm.html>
5. [http://www.bphn.go.id/data/documents/lit\\_2012\\_-\\_5.pdf](http://www.bphn.go.id/data/documents/lit_2012_-_5.pdf) Laporan Akhir Penelitian Hukum
6. Tentang Perbandingan Tujuan Dan Pola Kerjayayaan Di Beberapa Negara Dan kemungkinan Penerapannya di Indonesia, Badan Pembinaan Hukum Nasional Kementerian Hukum Dan Hak Asasi Manusia Ri, Tahun 2012
7. Analisis Statistik Pendidikan Islam 2011/2012, Kementerian Agama Republik Indonesia (Kemenag), 2013
8. <http://pendis.kemenag.go.id/file/dokumen/pontrenanalisis.pdf>
9. <http://bwi.or.id/index.php/in/artikel/1199-memproduktikan-aset-wakaf-nasional> (6 Nov 2013)
10. <http://bwi.or.id/index.php/in/data-a-publikasi/artikel/264-aset-wakaf-sangat-besar-tapi-belum-produktif>
11. <http://darunnajah.com/>
12. <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/13/02/13/mi5j8o-pesantren-kembangkan-ekonomi->
13. <http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/wakaf/13/12/30/myly4k-wakaf-pesantren-gontor-capai-miliaran-rupiah.>
14. <http://latansabukugontor.wordpress.com/profil-2/>
15. <http://tebureng.org/sejarah/>
16. <http://hmass.sidogiri.net/2013/11/sidogiri-pesantren-berumur-hampir-3-abad-di-pasuruan/>

<sup>35</sup> <http://hmass.sidogiri.net/2013/11/sidogiri-pesantren-berumur-hampir-3-abad-di-pasuruan/>

<sup>36</sup> Drs. H. Noor Ahmady, 2013, Pesantren Dan Kewirausahaan, Fakultas Dakwah Iain Sunan Ampel Surabaya.

17. [http://www.uia.ac.id/index.php?option=com\\_content&view=article&id=47&Itemid=58](http://www.uia.ac.id/index.php?option=com_content&view=article&id=47&Itemid=58)
18. Drs. H. Noor Ahmady, 2013. Pesantren Dan Kewirausahaan, Fakultas Dakwah Iain Sunan Ampel Surabaya.
19. Miftahul Huda. 2010. Fundraising Wakaf Pesantren. Jurnal Penelitian Keislaman, Vol. 6, No. 2, Juni 2010: 419-444.
20. Tata Fathurrohman. 2013. Al Awqaf-Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam (Januari 2013). Badan Wakaf Indonesia.
21. Ita Anistianah. 2013. Al Awqaf-Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam (Julai 2013) Badan Wakaf Indonesia.
22. Wardun (Warta Dunia Pondok Modern Darussalam). 2013.
23. Temuramah dengan Prof.Dr. H.Ahmad Satori pada 5 November 2014 di Yayasan al Hasan, Bekasi. Beliau merupakan profesor di Universiti Islam Syarif Hidayatullah, Jakarta dan beberapa institusi lain. Merupakan presiden Ikatan Daie Indonesia dan terlibat dalam menguruskan Yayasan Al Hasan, sebuah yayasan wakaf.